

1984

RANAU (SABAH), 19, FEB. (BERNAMA) - DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGAJAK RAKYAT MENGUBAH CORAK HIDUP MEREKA DENGAN BERUSAHA MEMBANGUNKAN TANAH SECARA KUMPULAN AGAR DIJADIKAN ESTET BESAR YANG LUBAS DAN TERSUSUN UNTUK MENAMBAHKAN PENDAPATAN MEREKA.

PERDANA MENTERI BERKATA, KERAJAAN SENTIASA MENGGALAKKAN RAKYAT MENGUSAHAKAN LADANG BESAR SECARA BERAMAI-RAMAI DENGAN MEMPUNYAI SEGALA MODAL DAN KEPAKARAN AGAR TARAF HIDUP MEREKA DAPAT DITINGKATKAN.

MALAHAN, ULANGI BELIAU, DIBAWAH KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KE-4 RANCANGAN TELAH DIBUAT UNTUK MENAMBAHKAN PENDAPATAN PENDUDUK DENGAN MENCANTUMKAN TANAH MEREKA MENJADI SEBUAH ESTET BESAR.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN SEMASA MERASMIKAN ESTET TEH NALAPAK DI DAERAH INI - SEBUAH LADANG TEH SELUAS 2,400 HEKTAR KEPUNYAAN ANAK SYARIKAT KOPERASI PEMBANGUNAN DESA (KPD) YANG DIUSAHAKAN SEJAK APRIL 1978.

PERDANA MENTERI BERKATA MASANYA TELAH BERLALU SAGI PETANI MENGUSAHAKAN TANAH SECARA SENDIRIAN DI KAUSAN TERPENCIL KERANA IA TIDAK MENDATANGKAN KEUNTUNGAN KEPADA MEREKA. --LAGI 1348/HM

PM-TEH 2 RANAU

BELIAU MENJELASKAN DIBAWAH KAJIAN SEMULA RANCANGAN MALAYSIA KE4 PENANAMAN PADI UMPAMANYA AKAN DIUSAHAKAN BERAMAI-RAMAI SECARA MENCANTUMKAN TANAH MEREKA SEHINGGA MEMPUNYAI KELUASAN RATUSAN EKAR DENGAN MENGGUNAKAN KEPAKARAN, JENTERA MODERN DAN BENIH YANG BERMUTU TINGGI.

DENGAN DEMIKIAN MEREKA JUGA DAPAT DITEMPATKAN DI BANDAR-BANDAR KECIL YANG MEMPUNYAI SEGALA KEMUDAHAN SEPERTI JALANRAYA DAN SEGALA INFRASTRUKTUR YANG MEMUDAHKAN SEGALA PEMASARAN HASIL PENGELUARAN MEREKA.

+OLEH DEN IKI AN RAKYAT JANGANLAH MUDAH TERPENGARUH DENGAN HASUTAN ORANG-ORANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB YANG MEMBUAT TOHMAH KONONNYA KERAJAAN HENDAK MERAMPAS HARTA RAKYAT DENGAN PENGGAMBILAN TANAH-TANAH MEREKA+.

BELIAU BERKATA DAKWAAN ITU DIBUAT SEMATA-MATA UNTUK MENGELIRUKAN RAKYAT AGAR +MUSUH-MUSUH KERAJAAN+ ITU MENDAPAT TEMPAT DIHATIRAKYAT.

OAF-UK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN HANYA KERAJAAN SAHAJA YANG BENAR-BENAR BERNIAT UNTUK MEMBANTU RAKYAT MENINGGIKAN TARAF HIDUP MEREKA SEDANGKAN MUSUH-MUSUH NEGARA PULA TIDAK MAHURAKYAT HIDUP SENANG D A N TERUS MISKIN. --LAGI 1357/HM

PM-TEH 3 RANAU

+APABILA RAKYAT TERUS MISKIN, MEREKA MEMPUNYAI ALASAN UNTUK MEMBUAT RAKYAT MARAH KEPADA KERAJAAN, + TEGASNYA.

BELIAU MENSIFATKAN ESTET TEH ITU SEBAGAI SATU BUKTI KEJAYAAN RAKYAT MEMAJUKAN PERUSAHAAN SECARA BERAMAI-RAMAI DENGAN MEMBERI PEKERJAAN KEPADA PENDUDUK TEMPATAN DI SAMPING MENAMBAHKAN HASIL PENDUDUK TEMPATAN.

BELIAU BERBANGGA KERANA PETANI DI SABAH TELAH MENCAPAI KEJAYAAN PESAT OALAM MASA YANG SINGKAT DAN TIDAK LAGI BERGANTUNG PENDAPATAN KEPADA PENANAMAN-PENANAMAN SECARA BERPINDAH.

SEBELUM ITU, PENERUSI SASAH TEH OATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG MEMBERITAHU BAHAWA PROJEK IT" PAOA MULANYA TIDAK BERJALAN LICIN KERANA SETENGAH-SETENGAH PETANI OALAM KAWASAN IT" MENARUH SYAK WASANGKA TERHAAP KERAJAAN DISEBABKAN HASUTAN MUSUH-MUSUH POLITIK KERAJAAN.

MENURUTNYA PETANI-PETANI TERSEBUT TELAH DIKELIRUKAN OLEH MUSUH-MUSUH TERSEBUT SUPAYA MEMPERCAYAI BAHAWA KERAJAAN MERAMPASTANAH MEREKA MELALUI KPO SUNGGUHPUN SEMUA IT" DILAKUKAN UNTUK MENOLONG MEREKA MEMAJUKAN TANAH YANG TERBIAR. --LAGI 1625/HM

ZCZC 8590

PM-TEH 4 RANAU

LADANG ITU MEMPUNYAI SERAMAI 550 ORANG PEKERJA OAN' SETAKAT INI HANYA 240 HEKTAR KAWASAN TEH SAHAJA TELAH DIUSAHAKAN.

APABILA SELURUH KAWASAN TEH SELUAS 1,100 HEKTAR DAN KOPI SELUAS 200 HEKTAR DIMAJUKAN DENGAN SEPENUHNYA SERAMAI 2,500 ORANG AKAN MEN-DAPAT PEKERJAAN DI LADANG ITU. --LAGI 1627/HM

PM - TEH 5 RANAU

(1)

SEMENTARA ITU, MENTERI PEMBANGUNAN PERTANIAN DAN PERIKANAN NEGERI DATUK LIM GUAN SNG BERKATA PENGELUARAN KILANG TEH SEBANYAK 100,000 KG TAHUN INI DIJANGKA MENINGKAT KEPADA 200,000 KG TAHUN

O E P A N

ENAM PULUH PERATUS TEH YANG DIKELUARKAN ITU DIBUNGKUS MANAKALA 20 PERATUS SEBAGAI DAUN TEH LAMBAK DAN BAKINYA SEBAGAI SERBUK TEH. ESTET ITU DIJANGKA MENGENGELUARKAN 1,552 TAN METRIK TEH SETAHUN APABILA DIMAJUKAN SEPENUHNYA MENJELANG TAHUN 1987.

APABILA MENCAPAI PENGELUARAN PALING TINGGI, ESTET ITU DIJANGKA MENAMPUNG 11 HINGGA 12 PERATUS KEPERLUAN TEH SELURUH NEGERA.

RANCANGAN JUGA SEDANG DIBUAT UNTUK MENGEKSPORT TEH ITU KE LAIN-LAIN NEGERI DAN NEGARA JIRAN SEPERTI BRUNEI DAN SINGAPURA.

-- LAGI 1642/MB

ZCZC 8596

PM - TEH 6 RANAU

DATUK LIM BERKATA MATLAMAT MUKTAMAD ESTET ITU IALAH MEMAJUKAN 2,000 HEKTAR TANAH DI NALAPAK MENJADI LADANG YANG MERANGKUMI 1,100 HEKTAR TEH; 100 HEKTAR KOPI DAN SELEBIHNYA TANAMAN-TANAMAN LAIN.

ESTET ITU KINI MEMPUNYAI JALAN-JALAN SEPANJANG 60KM. TEMPAT TINGGAL UNTUK PEKERJA DAN KAKITANGAN, SEBUAH DISPENSARI, KEDAI-KEDAI BUNCI DAN SEBUAH MASJID.